

## Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 48

Urus-urus niaga dan peristiwa berikut telah berlaku dalam sesebuah perniagaan:

- (a) Rahim memulakan perniagaan dengan wang tunai RM50,000 di bank.
- (b) Membayar sewa secara terdahulu sebanyak RM2,000 dengan cek.
- (c) Membeli sebuah komputer pada harga RM3,000 dan membayar secara cek.
- (d) Membeli perabot dari Sim Furniture Sdn Bhd secara kredit berjumlah RM3,000.
- (e) Memindahkan RM10,000 dari bank untuk kegunaan pejabat.
- (f) Memperoleh pinjaman bank sebanyak RM20,000. Wang pinjaman telah dibankkan di akaun perniagaan.
- (g) Membeli barang niaga dari Salim Trading sebanyak RM5,000 secara kredit.
- (h) Menjual barang niaga secara tunai RM3,000 (kos barang niaga RM2,000).
- (i) Membeli barang niaga dari Tak Wing Enterprise berjumlah RM10,000 secara cek.
- (j) Memasang dua unit alat hawa dingin di premis perniagaan untuk RM8,000. Membayar tunai RM3,000 dan bakinya dibayar secara ansuran bulanan..
- (k) Barang niaga berkos RM300 telah musnah kerana kebakaran. (Harga jualan RM400).
- (l) Membayar separuh daripada amaun hutang Sim Furniture Sdn Bhd secara tunai.
- (m) Jualan barang niaga secara kredit kepada Rani Grocer sebanyak RM2,000 (Harga kos RM1,400)
- (n) Membayar ansuran bulanan bagi alat hawa dingin sebanyak RM1,100, termasuk faedah RM100, dengan cek.
- (o) Ambilan barang niga oleh pemilik untuk kegunaan sendiri. (Kos RM760; Harga jualan RM1,000).
- (p) Menerima cek RM1,950 dari Rani Grocer sebagai penjelasan penuh hutangnya.
- (q) Membayar Salim Trading RM2,000 dengan cek.
- (r) Bayar gaji RM500 dan gaji belum bayar berjumlah RM100.
- (s) Memperuntukkan susutnilai atas perabot RM300, alatan pejabat RM100 danengkapan RM100.
- (t) Faedah terakru RM200.
- (u) Komisen diterima terdahulu RM1,000.

**Dikehendaki:**

Sediakan satu jadual seperti di bawah dan tunjukkan kesan (+RM / -RM) setiap urus niaga atau peristiwa atas aset, liabiliti dan ekuiti pemilik. Jawapan (a) diberikan sebagai contoh.

| Urus niaga / Peristiwa | Aset (RM) | Liabiliti (RM) | Ekuiti pemilik (RM) |
|------------------------|-----------|----------------|---------------------|
| (a)                    | +50,000   |                | +50,000             |
| (b)                    |           |                |                     |